

03/07/1998

Pelabur serius masih pilih Malaysia

KULIM, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelabur asing yang serius masih memilih Malaysia sebagai pusat pelaburan dan tidak terpedaya dengan pelbagai publisiti negatif.

Menurut Perdana Menteri, pelabur-pelabur yang serius dan mementingkan keuntungan jangka panjang tidak akan menggunakan alasan hilang keyakinan untuk 'lari' dari Malaysia.

"Kemasukan pelaburan besar-besaran berjumlah berbilion ringgit masih berterusan walaupun Malaysia turut mengalami kegawatan ekonomi kerana pelabur ini menaruh keyakinan terhadap Malaysia sebagai pusat pelaburan.

"Kita mahukan mereka melabur dalam sektor produktif. Datanglah ke Malaysia untuk melabur secara besar-besaran dan gunakan kebolehan pekerja mahir, kemudahan infrastruktur dan kerajaan kami yang mesra pelaburan.

"Saya percaya dengan keyakinan berterusan mereka ini, kita sama-sama dapat mengeluarkan Malaysia daripada kegawatan ekonomi sekarang," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan kilang AIC Semiconductor Sdn Bhd di Taman Teknologi Tinggi Kulim, di sini hari ini.

AIC Semiconductor Sdn Bhd, satu-satunya kilang semikonduktor milik Bumiputera di negara ini dimulakan dengan pelaburan awal RM78 juta. Ia dikuasai AIC Technologies Bhd (55 peratus), AIC Corporation Bhd (10 peratus), Atmel Corp, Amerika Syarikat (20 peratus) dan Sierra Way Sdn Bhd (15 peratus).

AIC Semiconductor membuat perjanjian membekalkan semua keluaran cip bersepadunya dari kilangnya di Kulim kepada Atmel Corp selama lima tahun berturut-turut.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani lima perjanjian antara pihak yang terbabit dengan syarikat itu.

Perjanjian pertama membabitkan AIC Semiconductor Sdn Bhd dengan Maybank International (Labuan) Ltd untuk membolehkan bank itu mengeluarkan pinjaman AS\$12 juta (RM48 juta) kepada syarikat itu.

Perjanjian kedua antara AIC Semiconductor Sdn Bhd dan Maybank Berhad bagi pinjaman modal kerja RM15 juta daripada bank itu, manakala yang ketiga ialah antara AIC Multiventure (M) Sdn Bhd dan Mohammad Saad Aldress and Sons Co dari Arab Saudi untuk mewujudkan usaha sama 'Global Positioning System' (GPS) di Arab Saudi.

Perjanjian keempat antara AIC Corporation Berhad dan Rural Radio Services Pvt Ltd dari United Kingdom untuk melaksanakan usaha sama pengeluaran 'Digital Access Rural Terminal System' di negara ini dan yang akhir antara Khazanah Holdings Berhad dan Lockheed Martin Corporation dari Amerika Syarikat bagi menubuhkan usaha sama pengeluaran komponen elektronik di Malaysia.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mahu pelabur jangka pendek yang mementingkan keuntungan cepat dan kemudian 'melarikan diri' ke negara lain dengan alasan sudah hilang keyakinan dengan Malaysia.

Menurutnya, keyakinan pelabur besar seperti Eastman, Proctor & Gamble dan beberapa syarikat petro kimia baru-baru ini, menunjukkan Malaysia tetap menjadi pilihan pelaburan terbaik.

(END)